

# **HUBUNGAN ANTARA *DHĀT* DAN SIFAT ALLĀH SWT MENURUT PARA MUTAKALLIMUN**

**Oleh:**  
**Mohd Radhi bin Ibrahim**

## **Abstract**

*The aim of this articles is to examine the relationship between The God Attributes and His Essence according to Mutakallimun and their polemics on the subject.*

## **Pendahuluan**

Perbincangan mengenai sifat Allah SWT mempunyai keistimewaananya yang tersendiri dalam perbahasan ilmu akidah Islam. Biarpun ianya dianggap oleh setengah pengkaji sebagai perbahasan yang agak lama, namun kepentingannya ternyata begitu besar kerana ianya berkait dengan masalah akidah yang merupakan satu unsur penting dalam kehidupan setiap Muslim.

Pada zaman kehidupan Rasulullah s. ‘a.w persoalan mengenai *dhāt* dan sifat Allah SWT tidak dibincangkan secara mendalam. Umat Islam pada zaman tersebut menerima terus apa sahaja sifat-sifat yang dinyatakan oleh Allah SWT dan RasulNya s. ‘a.w di dalam al-Qur’ān dan hadith, tanpa mempersoalkan makna-makna di sebalik kenyataan tersebut. Mereka percaya bahawa hakikat

kewujudan Allah SWT tidak dapat dicapai oleh kemampuan akal manusia yang terbatas.<sup>1</sup>

Al-Maqrizi (m. 845H) di dalam karya beliau *al-Mawā'iz wa al-'I'tibār* menyatakan: "Tidak pernah diriwayatkan daripada para sahabat r. 'a. tentang pertanyaan mereka kepada Rasulullah s. 'a.w akan makna sesuatu daripada apa yang disifatkan oleh Allah SWT terhadap *dhāt*nya sebagaimana yang ada dalam al-Qur'an dan hadith. Tidak ada seorang pun daripada mereka yang membezakan antara *sifat al-Dhāt* dan *sifat al-Fi'l*.<sup>2</sup>

Namun begitu pada akhir zaman para sahabat r. 'a., disebabkan pengaruh *Isra'iliyyāt* yang dibawa oleh pengikut Yahudi dan Nasrani telah muncul golongan yang menyerupakan Allah SWT dengan makhluk (*al-Musyabbihah wa al-Mujassimah*), daripada golongan Hasywiyyah dan Saba'iyyah. Lantaran itu sebagai tindak balas terhadap kedua-dua aliran ini lahirlah pula golongan yang menolak pandangan ini yang dimulakan oleh Ja'd b. Darham (m. 124H) dan Jahm b. Safwān (m. 128H).<sup>3</sup>

Perbahasan tentang sifat Allah SWT seterusnya menjadi polemik di kalangan para mutakallimun terutamanya antara golongan Mu'tazilah dan Asya'irah.<sup>4</sup>

Walaupun pada dasarnya kedua-dua belah pihak mengakui bahawa Allah SWT adalah pencipta yang Maha Sempurna, namun mereka tidak sependapat dalam menghuraikan tentang hubungan sifat-sifat tersebut dengan *dhat* Allah SWT. Perbezaan dalam menginterpretasi ayat-ayat al-Qur'an yang menyentuh tentang

<sup>1</sup> Al-Ghurābī, *Tārīkh al-Fīraq al-Islāmiyyah Wa Nasy'ah 'Ilm al-Kalām 'Inda al-Muslimīn*, Cet. II, Matba'ah Muḥammad 'Ali Sabīh, al-Qahirah 1958, hlm. 14.

<sup>2</sup> Al-Maqrizi, *Kitāb al-Mawā'iz wa al-'I'tibār bi Dhikr al-Khuṭāṭ Wa al-'Athār*, Dār Ṣadīr, Beirut, t.t, ii, hlm. 356.

<sup>3</sup> Ibn al-Athīr, *al-Kāmil fi al-Tārīkh*, Dār al-Ṣadr, Beirut 1375H/1965M, hlm. 104

<sup>4</sup> Syahrastānī, *al-Milal Wa al-Nihāl*, *Tahqīq 'Abd al-'Azīz Muḥammad al-Wakīl*, Mu'assasah al-Halabi, al-Qahirah 1387H/1967M, I, hlm. 49.

permasalahan sifat Allah SWT seterusnya menyediakan medan perdebatan yang hangat di kalangan para *Mutakallimun*.<sup>5</sup>

Di samping itu juga, antara persoalan lain yang turut ditimbulkan iaitu adakah Allah SWT mempunyai sifat atau tidak? Sekiranya jawapan tersebut adalah positif, maka adakah sifat-sifat tersebut kekal (*qadīm*) seperti mana kekalnya *dhāt* Allah SWT ataupun sifat-sifat tersebut baru (*hādīth*) dan dimiliki oleh Allah SWT selepas kewujudanNya?<sup>6</sup>

Artikel ringkas ini akan cuba mengupas pandangan sebahagian para Mutakallimun dalam menjelaskan persoalan hubungan antara *dhāt* dan sifat Allah SWT secara khusus tanpa memasuki ruang perdebatan sifat secara umum. Oleh itu kajian ini adalah bersifat pembukaan kepada perbahasan tentang sifat Allah SWT yang lebih mendalam.

### Pendapat Mutakallimun Tentang *Dhāt* dan Sifat Allah SWT

Sebenarnya perbincangan mengenai *dhāt* dan sifat Allah SWT telah menjadi satu persoalan yang besar dan rumit di dalam pemikiran Islam. Fenomena ini mungkin disebabkan subjek yang dijadikan polemik adalah berkaitan dengan *dhāt* yang paling agong dan mulia iaitu Allah SWT. Para Mutakallimun dalam menghuraikan tentang hubungan di antara *dhāt* dan sifat Allah SWT telah mengemukakan pendekatan yang berbeza-beza. Namun ianya boleh dikategorikan kepada tiga pendapat utama, iaitu:

#### I: Penambahan Sifat Terhadap *Dhāt*

Teori yang dipegang oleh golongan Asyā'irah dan seluruh golongan *al-Sifātiyyah*<sup>7</sup> ini bermaksud Allah SWT mempunyai sifat yang merupakan tambahan ke atas *dhāt*. Sifat-sifat tersebut

<sup>5</sup> Lihat umpamanya Ahmad Amin, *Duhā al-Islām* Cet. IX, Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah 1978, iii, hlm. 32.

<sup>6</sup> *Ibid.*, hlm. 33.

<sup>7</sup> Al-Sifātiyyah ialah kumpulan yang menetapkan kewujudan sifat terhadap Allah SWT. Lihat umpamanya al-Syahrastānī, *al-Milal*, I, hlm. 85.

menurut mereka adalah kekal (*qadīm*) dan merupakan suatu kewujudan tambahan (*zā'id*) bagi *dhat* Allah SWT.<sup>8</sup>

Al-Asy'ari (m. 324H) pelopor mazhab Asyā'irah yang kemudiannya dikenali sebagai *Ahl al-Sunnah* berpendapat, Allah SWT Mengetahui dengan *'ilm*, Berkuasa dengan *qudrat*, Hidup dengan *hayah* dan begitu juga sifat-sifat yang lain. Semua sifat-sifat tersebut menurut beliau adalah kekal (*qadīm*) sepetimana juga *dhat* Allah SWT.<sup>9</sup>

Pendapat beliau ini adalah berdasarkan kepada beberapa firman Allah SWT yang menetapkan sifat-sifat kepadaNya.<sup>10</sup> Antara ayat-ayat tersebut ialah:

\* Surah al-Nisā' (4):166.

أَنْزَلَهُ بِعِلْمٍ

Maksudnya: "Allah SWT menurunkannya dengan ilmuNya."

\* Surah al-Dhāriyāt (54): 58.

ذُو الْقُوَّةِ الْمُتَّيْنِ

Maksudnya: "Yang memiliki kekuatan yang teguh."

\* Surah Fātiḥah (35): 11.

وَمَا تَحْمِلُ مِنْ أَثْنَىٰ وَلَا تَضْعِفُ إِلَّا بِعِلْمٍ

Maksudnya: "Dan tidak ada seorang pun wanita yang mengandung dan tidak pula melahirkan (anak) melainkan dengan ilmuNya."

Berpandukan ayat-ayat tersebut al-Asy'ari menetapkan kepada Allah SWT sifat *'ilm* dan *qudrat*. Menurut beliau makna zahir dari

<sup>8</sup> Al-Baghdādī, *Kitāb 'Uṣūl al-Dīn*, Cet. I, Matba'ah al-Dawlah, Istanbul 1928, hlm.90; Al-Syahrastānī, *ibid*, hlm.92; al-Ghazālī, *Iqtisād fī al-'Iṭiqād*, Tahqīq Muhammād Muṣṭafā Abū al-'Illa, Maktabah al-Jindī, al-Qahirah 1392H/1972M, hlm. 121.

<sup>9</sup> Al-Asy'ari, *al-Luma'*, *Kiṭāb al-Luma'* fi al-Radd 'Alā Ahl al-Zaygh wa al-Bida', Tahqīq Ḥamūdah Ghurābah, Matba'ah Misriyyah, al-Qahirah 1955. hlm. 26; \_\_\_\_\_, *al-Ibānah*, hlm. 113.

<sup>10</sup> Lihat juga al-Rāzi, *Kitāb al-'Arba'in fi 'Uṣūl al-Dīn*, Cet. I, Matba'ah Majlis Da'irah al-'Uthmaniyyah, Hyderabad, 1353H. hlm. 133-135.

ayat-ayat di atas menunjukkan wujudnya suatu *dhāt* yang memiliki sifat iaitu ‘ilm dan *qudrat*. Selain dari dua sifat tersebut beliau juga menetapkan bagi Allah SWT sifat *kalām*, *irādah* dan *samā’*.<sup>11</sup>

Dalam menetapkan sifat-sifat di atas, al-Asy‘ari menggunakan kaedah *Qiyas*, iaitu membandingkan wujud yang dapat dilihat (*al-Syāhid*) dengan wujud yang tidak dapat dilihat (*al-Ghā’ib*). Menurut beliau, pada alam yang dapat dilihat, ‘Alim bererti seseorang atau suatu *dhāt* yang mempunyai ‘ilm. Maka begitulah juga dengan alam ghaib. Allah ‘Alim bermaksud Allah SWT mempunyai ilmu. Kerana menurut beliau, bentuk dalil tidak berbeza di antara yang dapat dilihat dengan yang ghaib.<sup>12</sup>

Seterusnya al-Asy‘ari berpendapat, mustahil Allah SWT Mengetahui dengan *dhāt*Nya seperti yang didakwa oleh golongan Mu’tazilah. Pengertian tersebut akan memberi gambaran bahawa *dhāt* Allah SWT adalah ‘ilm dan Allah SWT sendiri juga adalah ‘ilm. Menurut beliau lagi, Allah SWT bukannya ‘ilm, sebaliknya Yang Mengetahui (‘Alim). Oleh yang demikian beliau berpendapat, Allah SWT Mengetahui dengan ‘ilm dan ‘ilm tersebut bukanlah *dhāt*Nya. Pengertian tersebut menurut beliau samalah juga dengan sifat-sifat yang lain seperti *qudrat*, *sama’*, *basar*, *hayah* dan seluruh sifat-sifat *dhāt* yang lain.<sup>13</sup>

Sehubungan dengan ini, al-Baghdādī (m. 329H) memberitahu bahawa pendapat-pendapat golongan Asyā’irah mempunyai persamaan tentang menetapkan ‘ilm, *hayah*, *basar* dan *kalām Allāh* SWT, bahkan menurut mereka semua sifat-sifat tersebut adalah kekal (*qadīm*).<sup>14</sup>

Al-Bāqillānī (m. 403H) umpamanya, berpendapat sifat ‘ilm, *hayah* dan *qudrat* merupakan penyebab (‘illah) kepada Mengetahui, Hidup dan Berkwasanya Allah SWT. Menurut beliau sekiranya Allah SWT tidak mempunyai sifat-sifat tersebut, nescaya

<sup>11</sup> Al-Asy‘ari, *al-Luma'*, hlm. 31.

<sup>12</sup> *Ibid.*, hlm. 27.

<sup>13</sup> Al-Asy‘ari, *al-Ibānah*, hlm. 114.

<sup>14</sup> Al-Baghdādī, *Usūl al-Dīn*, hlm. 90.

*dhāt* Allah SWT tidak akan Mengetahui, Hidup dan Berkuasa. Oleh itu beliau menetapkan kewujudan sifat-sifat Allah SWT, sebagaimana pengikut al-Asy'ari yang lain.<sup>15</sup>

Sementara itu al-Ghazālī (m. 501H) pula berpendapat apabila seseorang menyebut *Lafaz al-Jalālah* (Allah SWT), maka yang dimaksudkan di sini ialah *dhāt* Allah SWT berserta dengan sifat-Nya. Akan tetapi al-Ghazālī, walaupun bersetuju dengan al-Asy'ari yang menyatakan bahawa *dhāt* dan sifat Allah SWT adalah dua perkara yang berasingan, namun beliau berpendapat sifat-sifat Allah SWT berada di dalam *dhāt*nya.<sup>16</sup>

Secara umumnya pendapat-pendapat yang dikemukakan oleh golongan Asyā'irah berkenaan *dhāt* dan sifat Allah SWT tidak menonjolkan perbezaan yang ketara. Mereka menetapkan sifat-sifat bagi Allah SWT sebagai suatu kewujudan yang kekal (*qadim*). Sifat-sifat ini menurut mereka adalah tambahan (*Zā'id*) kepada *dhāt* Allah SWT. Di samping itu mereka juga sepakat bahawa sifat-sifat tersebut bukanlah *dhāt* Allah SWT dan bukan selain-Nya.<sup>17</sup>

## II: Penafian Kewujudan Sifat-sifat Allah SWT

Golongan Mu'tazilah mengemukakan pendapat yang bertentangan dengan teori golongan Asyā'irah. Mereka - kebanyakannya atau hampir - keseluruhannya menafikan kewujudan sifat-sifat Allah SWT. Oleh itu mereka menyatakan Allah SWT Mengetahui, Berkuasa dan Hidup dengan *dhāt*nya, bukan dengan '*ilm*, *qudrat* dan *hayah*'.<sup>18</sup>

<sup>15</sup> Al-Bāqillānī, *Kitāb al-Tamhīd Fī al-'Iyād 'Ala al-Mulhida* *Wa al-Mu'attila* *Wa al-Rāfiḍa* *Wa al-Khawārij* *Wa al-Mu'tazila*, Tahqiq Richard J.McCarthy, al-Maktabah al-Syarqiyah, Beirut, t.t., hlm. 152.

<sup>16</sup> Al-Ghazālī, *al-Iqtisād*, hlm. 121.

<sup>17</sup> Al-Syahrastānī, *al-Milal*, i, hlm. 95.

<sup>18</sup> Ibn al-Murtadā, *al-Munyah Wa al-'Amal*, Tahqiq 'Isām al-Dīn Muhammad 'Alī, Dār al-Ma'rifa al-Jami'iyyah, Iskandariyyah 1985, hlm.13; al-

Wāsil b. ‘Atā’ (m. 131H), pelopor mazhab Mu’tazilah menyatakan: “Barangsiapa yang menetapkan makna atau sifat-sifat yang kekal (*qadīm*) bagi *dhāt* Allah SWT, bermakna dia telah menetapkan adanya dua Tuhan,<sup>19</sup> yang pertama *dhāt* dan kedua sifat.” Idea ini menurut beliau mengundang risiko menyekutukan (*syirik*) Allah SWT dari keesaanNya yang mutlak.

Walaupun begitu pendapat yang dikemukakan oleh beliau ini ternyata mengolah pertentangan dengan beberapa ayat al-Qur’ān yang dengan jelas menetapkan sifat bagi Allah SWT. Antaranya:

أَنْزَلَهُ بِعِلْمٍ<sup>20</sup>

bermaksud: “Allah SWT menurunkannya dengan ‘ilmNya.’”  
dan firmanNya:

ذُو الْقُوَّةِ الْمُتَّيْنِ<sup>21</sup>

bermaksud: “Yang memiliki kekuatan yang teguh.”

Persoalan yang timbul ialah bagaimanakah para pemikir Mu’tazilah selepas beliau menyelesaikan permasalahan ini? Untuk tujuan itu mereka telah memusatkan pemikiran bertujuan mencari penyelesaian bagi memecah kebuntuan yang menyusutkan akal ini.

Abū ‘Ali al-Jubbā’ī (m. 303H) umpamanya menyatakan Allah SWT Mengetahui dengan *dhāt*Nya. Oleh itu Allah SWT pada pandangan beliau tidak memerlukan kepada sifat ‘ilm atau hal keadaan mengetahui. Sifat-sifat yang dinyatakan di dalam al-Qur’ān menurut beliau tidak mempunyai suatu kewujudan yang sebenar, malah ianya hanyalah semata-mata ketetapan akal (*I’tibārāt al-‘Aqliyyah*).<sup>22</sup>

---

Zamakhsyārī, *al-Kasīsyaṭ ‘An Haqā’iq Ghawāmid al-Tanzīl wa ‘Uyūn al-‘Aqāwīl fi Wujūh al-Ta’wīl*, Cet. I, Matba’ah Muṣṭafā Muḥammad, al-Qahirah, 1354H ii, hlm. 329.

<sup>19</sup> Al-Syahrastānī, *op. cit.*, i, hlm. 46; al-Asy’ārī, *Maqālāt*, i, hlm. 224.

<sup>20</sup> Al-Qur’ān, *Surāh al-Nisā’* (4): 166.

<sup>21</sup> Al-Qur’ān, *Surāh al-Dhāriyāt* (54): 58

<sup>22</sup> ‘Abd al-Jabbār, *Syarḥ al-Usūl al-Khamsah*, Tahqīq ‘Abd al-Karīm ‘Uthmān, Cet. I, Maktabah Wahbah, al-Qahirah 1384H/ 1965, hlm. 183.

Beliau selanjutnya menjelaskan, walaupun Allah SWT tidak mempunyai sifat, namun kesan atau ciri-ciri sifat dimiliki oleh Allah SWT Sifat ‘ilm, umpamanya, biarpun dinafikan dari *dhāt* Allah s.w.t, namun ciri-ciri sifat ‘ilm iaitu teliti dalam melakukan kerja (*itqān fi al-‘Amal*) dimiliki oleh *dhāt* Allah SWT. Demikian juga huraian beliau terhadap sifat-sifat yang lain. Ini bermakna *dhāt* adalah pengganti (*niyābah*) kepada kedudukan sifat. Oleh itu pendapat beliau ini dinamakan teori *al-Niyābah*.<sup>23</sup>

Dengan penjelasan ini, menurut Abū ‘Alī beliau dapat mengelakkan daripada menetapkan sifat sebagai satu kewujudan yang berasingan, yang merupakan tambahan (*zā’id*) pada *dhāt* Allah SWT. Di samping itu juga beliau tidak menafikan kesempurnaan *dhāt* Allah SWT.

Di antara ulama’ Mu’tazilah silam yang sependapat dengan beliau ialah ‘Abbad b. Sulaimān (m. 220H). Beliau dalam hal ini menyatakan: “Allah SWT Mengetahui, Berkuasa dan Hidup, tetapi aku tidak menetapkan bagi Allah SWT sifat ‘ilm, *qudrat* dan *hayah*.<sup>24</sup> Ibrāhīm b. Sayyār (m. 231H) yang dikenali sebagai al-Nazzām pula memberitahu, maksud Allah SWT Mengetahui (‘Alim) ialah menetapkan *dhāt*Nya dan menafikan sifat bodoh (*jahl*) dari Allah SWT. Menurut beliau lagi perbezaan pada sifat Allah SWT bukanlah disebabkan perubahan pada *dhāt*Nya, akan tetapi mengikut perbezaan apa yang dinafikan dari Allah SWT, seperti bodoh, lemah, mati dan sebagainya. Adapun *dhāt* Allah SWT, beliau berpendapat tiada perubahan padaNya.<sup>25</sup>

Sementara itu Abū Hāsyim al-Jubbā’ī (m. 321H) pula,

<sup>23</sup> Ja’far Subhānī, *Buhūth Fi al-Milal Wa al-Nihāl*, Cet. III, Mu’assasah al-Nasyr al-Islāmī, Qum 1412H iii, hlm. 322.

<sup>24</sup> Al-Asy’arī, *Maqālat al-Islāmiyyīn Wa ‘Ikhtilaf al-Muṣallīn*, Tahqiq Muhammad Muhyiddin ‘Abd al-Hamid, Cet. I, Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah al-Qahirah 1369H/1950I, hlm. 225. Lihat juga Watt, *The Formative, The Formative Period Of Islamic Thought*, University Press, Edinburgh, 1973, hlm. 246.

<sup>25</sup> Al-Asy’arī, *ibid.*, i, hlm. 227; Zuhdī, *al-Mu’tazilah*, Matba‘ah Miṣr, al-Qahirah 1366H/1947M, hlm. 66.

mengemukakan pendapat yang agak berbeza sedikit dengan pendapat yang sebelumnya. Menurut beliau Allah SWT Menge-tahui dengan keadaan (*hāl*) yang disebalik *dhāt*Nya. Menurut beliau lagi apabila kita menetapkan bahawa Allah SWT Menge-tahui, bermakna kita tetapkan bagi Allah SWT suatu *hāl* yang khusus iaitu ‘ilm di sebalik *dhāt*Nya. Oleh itu beliau berpendapat *hāl-hāl* (*Ahwāl*) ini adalah tidak berakhir (*la nihāyah*) kerana *ma’lūm* menurut beliau adalah perkara yang tiada penghujung.<sup>26</sup>

Walau bagaimanapun beliau memberitahu, *hāl-hāl* (*Ahwāl*) tersebut tidak dapat dikenali secara berasingan, kerana ianya bukanlah suatu perkara wujud (*mawjūd*) dan tidak juga tiada (*ma’dūm*), tidak kekal (*qadīm*) dan bukan juga baharu (*hudūth*). Begitu juga beliau berpendapat *hāl-hāl* ini bukan *ma’lūm* dan tidak pula *majhūl*. Menurut beliau kita hanya mengenali *hāl-hāl* (*Ahwāl*) tersebut apabila dikaitkan dengan *dhāt* Allah SWT.<sup>27</sup>

Meskipun teori *Ahwāl* Abū Hāsyim ini agak sukar difahami, namun al-Baghdādī (329H) di dalam karya beliau *Uṣūl al-Dīn* cuba menjelaskan perbezaan di antara pendapat tersebut dengan teori *al-Niyābah* yang diperkatakan oleh Abū ‘Alī al-Jubbā’ī. Menurut beliau Abū ‘Alī menjadikan *dhāt* Allah SWT sebagai penyebab (*‘illah*) yang menjadikan Allah SWT. Mengetahui (*‘Alīm*), manakala Abū Hāsyim pula berpendapat Allah SWT Mengetahui kerana berada dalam keadaan (*hāl*) tertentu iaitu *‘ilm*.<sup>28</sup>

Bagaimanapun teori *al-Ahwāl* yang dikemukakan oleh Abu Hāsyim ini terus kekal sebagai misteri yang sukar difahami dalam

<sup>26</sup> ‘Abd al-Jabbār, *Uṣūl al-Khamsah*, hlm.183; al-Syahrastānī, *Nihāyah*, hlm. 131; al-Bāqillānī, *al-Tamhīd*, hlm. 154.

<sup>27</sup> Abū Hāsyim berpendapat demikian kerana beliau melihat *ma’dūm* adalah sesuatu (*syai’*). Oleh itu sekiranya beliau menetapkan *ahwāl* itu *ma’dūm*, bermakna dia telah menetapkan satu kewujudan yang sebenar bagi *ahwāl*. Ini adalah bertentangan dengan prinsip asas Mu’tazilah yang menafikan wujudnya sesuatu yang tersusun dengan *dhāt* Allah s.w.t.

<sup>28</sup> Al-Baghdādī, *Uṣūl al-Dīn*, hlm. 92. Lihat juga Wolfson, *The Philosophy of Kalam*, Harvard University Press, London 1976, hlm. 171.

perbahasan ‘ilm al-Kalam. Terutamanya apabila beliau menyatakan *ḥāl-ḥāl (ahwāl)* tersebut bukan *mawjūd*, tidak *ma’dūm*, tidak *ma’lūm*, bukan pula *majhūl*, tidak *qadīm* dan tidak juga *hudūth*. Namun yang pasti kecelaranan tersebut terserlah apabila beliau cuba mengelak dari mengakui adanya suatu kewujudan kekal (*qadīm*) yang lain selain dari *dhāt* Allah SWT.<sup>29</sup>

Sementara itu ‘Abd al-Jabbār (m. 415H), dalam menyertai perdebatan ini, sepertimana ulama’ Mu’tazilah yang lain telah memperincikan lagi pandangan Abū ‘Alī dan Abū Hāsyim al-Jubbā’ī, dalam menafikan kewujudan sifat-sifat Allah SWT.<sup>30</sup>

Berkaitan hal ini beliau menyatakan, Allah SWT merupakan suatu *dhāt* yang amat sempurna. Kesempurnaan tersebut menurut beliau dicapai melalui *dhāt*nya sendiri. Oleh itu beliau berpendapat Allah SWT tidak mempunyai sifat. Kerana kewujudan sifat akan menggugat kesempurnaan *dhāt* Allah SWT. Sehubungan dengan itu beliau menyatakan, Allah SWT Berkuasa (*Qādir*), Mengetahui (*‘Alim*), Hidup (*Hayy*) dengan *dhāt*nya, dan bukan dengan sifat-sifat *qudrat*, ‘ilm dan ḥayah.<sup>31</sup>

Menurut beliau sekiranya Allah SWT Berkuasa, Mengetahui dan Hidup dengan menggunakan *qudrat*, ‘ilm dan ḥayah, nescaya ianya akan membawa kepada implikasi menyamakan (*tasybih*) Allah SWT dengan makhluk. Ini kerana setiap makhluk berkuasa melalui *qudrat*, mengetahui dengan ‘ilm dan hidup dengan ḥayah. Sebarang bentuk persamaan dengan ciri-ciri makhluk mestilah dinafikan dari Allah SWT.<sup>32</sup>

<sup>29</sup> Al-Mufid, ‘Awā’il al-Maqālat Fi al-Madhāhib Wa al-Mukhārāt, Tahqiq Dr. Mehdi Muhaqqiq, Mu’assasah Muṭafala’at al-Islāmi, Tehran 1993, hlm. 14. Bandingkan ‘Abd al-Karīm, Qādī al-Quḍāt ‘Abd al-Jabbār b. Ahmad al-Hamadhan, Dār al-‘Arabiyyah, Beirut 1386H/1967M, hlm. 155.

<sup>30</sup> Lihat umpamanya ‘Abd al-Jabbār, Uṣūl al-Khamsah, hlm. 182.

<sup>31</sup> ‘Abd al-Jabbār, al-Muhiṭ bi al-Taklīf, Tahqiq ‘Umar Sayyid ‘Azmi, al-Qahirah 1965, hlm. 172.

<sup>32</sup> Bandingkan al-Nisabūrī, Fī al-Tawḥīd, Diwān al-Uṣūl Li Abī Rasyīd, Tahqiq Muhammad ‘Abd al-Hādi Abū Rīdah, Matba’ah Dār al-Kutub, al-Qahirah 1969, hlm. 373.

Seterusnya dalam usaha mengukuhkan lagi pendiriannya, ‘Abd al-Jabbār mengemukakan argumentasi logik bertujuan menolak pendapat golongan *al-Sifātiyyah* yang menyatakan Allah SWT mempunyai sifat, sebagaimana berikut:

Sekiranya Allah SWT mempunyai sifat, sudah tentu sifat tersebut adalah sesuatu yang wujud kerana harus Allah SWT Berkuasa, Mengetahui dan Hidup dengan sesuatu yang tiada (*ma’diūm*). Apabila sifat-sifat ini wujud, maka samada ianya kekal (*qadīm*) atau baharu (*hudūth*). Kedua-dua perkara ini mustahil, kerana jika kita menetapkan sifat tersebut kekal, bermakna kita mengakui wujudnya dua kewujudan kekal (*qadīm*) yang berbeza, pertama *dhāt* Allah SWT dan yang kedua sifatNya.<sup>33</sup>

Oleh kerana kekal (*qadīm*) yang merupakan sifat paling khusus bagi *dhāt* Allah SWT telah dikongsi oleh sifatNya, maka ini bermakna sifat juga berkongsi ciri-ciri kesempurnaan *dhāt* yang lain. Hakikat ini menyebabkan timbulnya implikasi yang rumit iaitu wujudnya dua Tuhan, yang pertama *dhāt* dan yang kedua sifat. Perkara ini sudah tentu bertentangan dengan akidah *al-Tawhīd* yang murni.<sup>34</sup>

Demikian juga sekiranya kita menyatakan bahawa sifat tersebut adalah baharu (*hudūth*), bermakna kita mengakui bahawa Allah SWT mencapai kesempurnaanNya melalui susunan dua perkara iaitu *dhāt* yang kekal (*qadīm*) dan sifat yang baharu (*hudūth*). Ini tentunya menonjolkan kelemahan Allah SWT, kerana mengharapkan kepada sifat-sifat yang baharu untuk mencapai kesempurnaanNya. Padahal Allah SWT Maha Suci dari segala kekurangan dan kelemahan.<sup>35</sup>

Apabila terbukti bahawa kewujudan sifat-sifat Allah SWT, samada kekal atau baharu, adalah bertentangan dengan akidah *al-Tawhīd* dan kesempurnaan Allah SWT, maka ‘Abd al-Jabbār

<sup>33</sup> ‘Abd al-Jabbār, *Usūl al-Khamsah*, hlm. 183.

<sup>34</sup> *Ibid.*, hlm.195-196.

<sup>35</sup> ‘Abd al-Jabbār, *al-Muhiṭ*, hlm.196. idem, *Usūl al-Khamsah*, hlm. 186.

mengambil pendirian yang tegas iaitu, menafikan kewujudan sifat-sifat tersebut.

Berdasarkan kepada penjelasan-penjelasan yang diberikan ternyata bahawa faktor utama yang mendorong golongan Mu'tazilah menafikan kewujudan sifat di samping *dhāt* Allah SWT, ialah untuk mengelakkan dari berlakunya berbilang-bilang perkara kekal (*ta'addud al-Qudamā'*). Di mana mereka melihat perkara ini boleh mencetuskan unsur-unsur pensyirikan yang menodai kesucian *al-Tawḥīd* yang mutlak bagi Allah SWT.<sup>36</sup>

Penjelasan ini juga dapat menolak dakwaan sebahagian *mutakallimun* yang menuduh golongan Mu'tazilah mencedok pendapat-pendapat mereka daripada golongan *zindiq* yang menafikan segala ciri-ciri kesempurnaan dari Allah SWT.<sup>37</sup>

Al-Syahrastānī (m. 548H) yang menyedari perkara ini menjelaskan bahawa, golongan Mu'tazilah bukanlah menafikan sifat-sifat kesempurnaan Allah SWT secara mutlak, akan tetapi mereka menafikan sifat sebagai suatu kewujudan kekal (*qadīm*) yang berasingan dari *dhāt* Allah SWT. Sebaliknya mereka mengakui kewujudan sifat sebagai *I'tibārāt al-'Aqlīyyah*.<sup>38</sup>

Berdasarkan kepada analisis yang dikemukakan dapatlah disimpulkan bahawa, biarpun terdapat sedikit perbezaan pendapat di kalangan tokoh-tokoh Mu'tazilah dalam menghuraikan konsep *dhāt* dan sifat Allah SWT, akan tetapi mereka sepakat dalam prinsip asas iaitu Allah SWT tidak mempunyai sifat, dalam erti kata sebagai suatu wujud yang berasingan dari *dhāt* Allah SWT.

<sup>36</sup> Al-Nasṣyār, *Nasy'ah al-Fikr al-Falsafī Fi al-Islām*, Cet. II, Dār Nasyr al-Thaqāfah, Iskandariyyah 1962, hlm. 330.

<sup>37</sup> Al-Asy'ari, *al-Ibānah 'An 'Usūl al-Diyānah*, Tahqīq Basyīr Muḥammad 'Uyūn, Cet. IV, Maktabah Dār al-Bayān, Riyād 1413H/1993M, hlm. 113.

<sup>38</sup> Al-Syārastānī, *Nihāyah al-'Aqdām fi 'Ilm al-Kalām*, Tahqīq Alfred Guillaume, London 1934, hlm. 180. Bandingkan al-Nasṣyār, *Nasy'ah*, hlm. 330.

### III: Penyatuan Antara *Dhāt* Dan Sifat Allah SWT.

Dalam usaha untuk cuba menyelesaikan pertentangan yang timbul dalam perbahasan tentang hubungan antara *dhāt* dan sifat Allah SWT, ulama' Islam dari pelbagai mazhab telah cuba untuk mengemukakan pandangan mereka dalam hal ini. Imam Abu Mansūr al-Māturidi (m. 333H), pengasas mazhab akidah kedua dalam *Ahl al-Sunnah* iaitu *al-Māturidiyyah*,<sup>39</sup> menyatakan bahawa Allah SWT mengetahui dengan sifat ilmu yang merupakan *dhātNya*.<sup>40</sup>

Pandangan ini diterima oleh Imām al-Nasafī di dalam karangan beliau *Aqā'id al-Nasafiyah*<sup>41</sup> dan juga turut diperkatakan sebelum ini oleh Abū al-Hudhail al-'Allāf (m. 235H) tokoh Mu'tazilah pada zamannya.

Untuk melihat secara lebih terperinci teori al-Wihdah ini pandangan Abū al-Hudhail akan dikemukakan sebagai penjelasan disebabkan catatan dan rujukan mengaitkan beliau dengan teori tersebut adalah banyak dan jelas.

Beliau dalam hal ini berpendapat, Allah SWT Mengetahui ('Alim) dengan 'ilm, manakala 'ilm tersebut adalah *dhātNya*, Allah SWT Berkuasa (*Qādir*) dengan *qudrat*, manakala *qudrat* tersebut ialah *dhātNya* dan begitulah pada sifat-sifat yang lain.<sup>42</sup> Seterusnya beliau menjelaskan, apabila engkau menyatakan bahawa Allah SWT Mengetahui ('Alim), bermakna engkau telah menetapkan bagi Allah SWT sifat 'ilm yang merupakan *dhātNya* dan engkau nafikan daripadaNya sifat bodoh (*jahl*).<sup>43</sup>

Sehubungan dengan ini Abū al-Hudhail menyatakan bahawa,

<sup>39</sup> Wan Zailan Kamaruddin, "Aliran al-Maturidi dan al-Maturidiyyah dalam Dunia Islam" dlm. *Jurnal Usuluddin*, 1998, bil. 8, hlm. 81.

<sup>40</sup> *Kitāb al-Tawhīd*, Tahqiq Fath Allāh Khālid, Dār al-Masyriq, Beirut 1970, Lihat umpamanya hlm. 69.

<sup>41</sup> Al-Nasafī, 'Aqā'id al-Nasafiyah, hlm. 76.

<sup>42</sup> 'Abd al-Jabbār, *Uṣūl al-Khamsah*, hlm. 182; al-Asy'ari, *Maqālāt*, i, hlm 179.

<sup>43</sup> Al-Baghdādī, *Uṣūl al-Dīn*, hlm. 91.

Allah SWT bersifat dengan segala sifat-sifat kesempurnaan seperti *'ilm*, *qudrāh* dan *hayah*. Namun begitu sifat-sifat tersebut adalah *dhāt*Nya sendiri. Oleh yang demikian, *dhāt* Allah SWT, menurut pandangan beliau adalah lengkap dengan segala sifat-sifat kesempurnaan. Untuk mengukuhkan lagi pendiriannya Abū al-Hudhail menyatakan *dhāt* yang mengetahui dengan *'ilm* yang merupakan *dhāt*Nya sendiri adalah lebih sempurna daripada *dhāt* yang mengetahui dengan *'ilm* yang ditambah (*zā'id*) ke atas *dhāt* tersebut.<sup>44</sup>

Dengan penjelasan yang dikemukakan ini, Abū al-Hudhail dapat menetapkan kesempurnaan *dhāt* Allah SWT tanpa *ta'tīl*, dan pada masa yang sama beliau menafikan adanya suatu kewujudan yang lebih tinggi dan sempurna daripada *dhāt* Allah SWT.

Walau bagaimanapun penyatuan (*al-wihdah*) di antara *dhāt* dan sifat yang dimaksudkan oleh beliau ialah dari sudut realiti kewujudan (*al-Mā sadaq*) dan bukan dari sudut pengertian (*al-Mafhūm*). Kesilapan dalam membezakan kedua-dua perkara ini akan menyebabkan kekeliruan dalam memahami teori *al-Wihdah* yang dikemukakan oleh beliau. Oleh itu beliau menjelaskan, walaupun hakikat kewujudan *dhāt* dan *'ilm* Allah SWT adalah satu, namun pengertian (*mafhūm*) kedua-duanya adalah tetap berbeza.<sup>45</sup>

Berdasarkan kepada keterangan yang diberikan dapatlah dilihat perbezaan yang ketara di antara pandangan Abū al-Hudhail dengan pendapat majoriti golongan Mu'tazilah, yang menafikan Allah SWT daripada sifat-sifat *'ilm*, *qudrāh*, *hayah* dan sebagainya. Oleh yang demikian adalah tidak menghairankan mereka digelar sebagai golongan *al-Mu'attilah*.<sup>46</sup>

Mengulas mengenai hujah-hujah yang dikemukakan oleh golongan *al-Sifātiyyah* pula, Abū al-Hudhail mengakui bahawa

<sup>44</sup> Ja'far Subhānī, *Buhūth*, iii, hlm. 318.

<sup>45</sup> Bandingkan Tritton, *Muslim Theology*, Luzac & Company, London 1947 hlm. 89; Watt, *The Formative*, hlm. 246.

<sup>46</sup> Al-Syahrastānī, *al-Milal*, I, hlm. 50.

lafaz ‘Ālim, Qādir dan Ḥayy dari kacamata adat dan ahli bahasa ialah suatu *dhāt* yang mempunyai ‘ilm, qudrah dan ḥayah. Ianya juga bererti adanya dua perkara wujud yang berasingan iaitu *dhāt* dan sifat. Walau bagaimanapun kaedah ini tidak wajar digunakan terhadap Allah SWT. Ini kerana ianya boleh membawa kepada unsur-unsur pensyirikan terhadap Allah SWT bilamana kita mengakui bahawa Allah SWT tersusun (*tarkīb*) dari dua unsur iaitu *dhāt* dan sifat. Bagi mengelakkan implikasi negatif ini, beliau berpendapat walaupun pengertian *dhāt* dan sifat Allah SWT adalah berbeza namun hakikat kewujudan kedua-duanya adalah sama.<sup>47</sup>

## Kesimpulan

Daripada penjelasan yang dikemukakan kelihatannya teori *al-Wiḥdah* yang dikemukakan oleh para Mutakallimun seolah-olah dapat mengharmonikan pertentangan yang berlaku di antara teori *al-Ziyādah* dan teori *al-Nufah*. Teori ini pada hakikatnya bukanlah bermaksud untuk menafikan nama-nama Allah SWT seperti ‘Ālim, Qādir dan Ḥayy. Demikian juga tidak menafikan sifat-sifat Allah SWT seperti ‘ilm, qudrah dan ḥayah, sebaliknya ia menetapkan kedua-dua perkara tersebut tanpa *tasybih* dan *ta’til*.

Oleh yang demikian, maka tidak hairanlah pandangan ini juga turut diterima oleh sebahagian ulama *Ahl al-Sunnah* seperti Imam al-Māturīdī (m. 333H) dan juga Imām al-Nasafī sebagaimana dapat dilihat di dalam karya mereka iaitu *Kitāb al-Tawḥīd*<sup>48</sup> dan ‘Aqā’id al-Nasafīyyah.<sup>49</sup>

Sementara itu ‘Abd al-Jabbār dengan tujuan mengelakkan dari terjerumus ke lembah pensyirikan Allah SWT, dengan mengakui wujudnya dua perkara *qadim*, disertakan juga dengan kesilapan dalam memahami teori *al-Wiḥdah* yang dikemukakan Abū al-Hudhail menyebabkan, beliau tidak mempunyai pilihan selain

<sup>47</sup> Ja’far al-Subhānī, *Buhūth*, iii, hlm. 316.

<sup>48</sup> *Kitāb al-Tawḥīd*, Tahqīq Fath Allāh Khalīf, Dār al-Masyriq, Beirut 1970, Lihat umpannya hlm. 69.

<sup>49</sup> Al-Nasafī, ‘Aqā’id al-Nasafīyyah, hlm. 76.

menerima pendapat golongan *al-Mu'attilah*, yang menafikan kewujudan sifat-sifat Allah SWT.<sup>50</sup>

## Penutup

Melihat kepada penjelasan-penjelasan yang dikemukakan ternyata ketiga-tiga teori yang dikemukakan oleh para Mutakallimun mempunyai kekuatan yang tersendiri, yang mana mereka semua ingin menetapkan kepada Allah SWT segala sifat kesempurnaan dan menafikan sebarang sifat kelemahan dari Allah SWT berdasarkan kepada nas syara' dan kefahaman masing-masing.

Apa yang cuba dikemukakan oleh penulis ialah pendedahan objektif terhadap pandangan para ulama' Islam silam berkenaan hubungan antara *dhāt* dan sifat Allah SWT untuk diteliti oleh para ilmuan semasa, agar boleh dijadikan panduan bagi mewujudkan persepakatan di kalangan beberapa pandangan yang bertentangan yang sememangnya boleh dilakukan jika dilaksanakan secara insaf, sedar dan ikhlas demi membentuk akidah yang mantap dalam menghadapi arus globalisasi yang sememangnya mengakis jati diri dan menggugat identiti jika tidak diasaskan kepada asas pemikiran yang kukuh dan tepat.

Semoga penerangan ringkas berkenaan hubungan antara *dhāt* dan sifat Allah SWT ini dapat memberikan sumbangan dalam meneliti dan memahami warisan intelektual Islam silam yang begitu kaya dengan polemik dan cukup menarik untuk dikaji. Seterusnya dapat meningkatkan perkembangan pemikiran di kalangan para pemikir semasa di Malaysia khasnya dan di Nusantara amnya.

---

<sup>50</sup> Beliau berpendapat Abū al-Huzail sebenarnya mengikut pendapat Abū 'Ali akan tetapi tersilap dalam kenyataannya. Ini kerana menurut beliau tidak harus kita mengatakan '*ilm* Allah sebagai *dhāt*Nya. 'Abd al-Jabbar, *Uṣūl al-Khamsah*, hlm. 183